

30/09/2002

Barisan Nasional diramal menang bergaya di Gaya

Lichong Angkui

KEHADIRAN semua pemimpin tertinggi parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah pada pertemuan dengan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Kota Kinabalu, Selasa lalu, khusus untuk membincangkan persiapan pilihan raya kecil Parlimen Gaya, mencerminkan komitmen tinggi mereka untuk memastikan kemenangan bergaya lagi bersejarah di kawasan itu nanti.

Ketika keluar daripada mesyuarat yang berlangsung hampir satu setengah jam itu, presiden dan ketua-ketua parti komponen yang hadir kelihatan bersemangat tinggi menantikan satu lagi 'perang' yang mereka sifatkan sebagai perlawanan mudah.

Wajah-wajah ceria mereka tidak sedikit pun menggambarkan ada kekalutan atau kebimbangan sekalipun soal siapa calon dan dari parti mana masih belum ditentukan lagi

Mereka komited kepada semangat muafakat dan persefahaman yang menjadi prinsip BN membuat keputusan selama ini.

Laporan media menyebut sekurang-kurangnya lima daripada sembilan parti komponen BN Sabah menunjukkan minat bertanding di Gaya yang sebelum ini diwakili oleh Parti Maju Sabah (SAPP) menerusi presidennya sendiri, Datuk Yong Teck Lee.

Secara tradisi, kawasan Gaya diwakili oleh parti komponen BN berasaskan masyarakat Cina kerana penentu kemenangan adalah pengundi Tionghua.

Terletak di tengah-tengah kesibukan bandar raya Kota Kinabalu, Parlimen Gaya yang meliputi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Likas dan Inanam, mempunyai 49,426 pemilih berdaftar, termasuk 73 pengundi pos, dengan 40 peratus daripadanya Cina, 40 peratus lagi Bumiputera Islam dan selebihnya Bumiputera bukan Islam.

Selain SAPP, parti lain yang bernaung di bawah panji-panji BN Sabah ialah Umno selaku tunjang utama, Parti Bersatu Sabah (PBS) yang diterima menyertai semula BN awal tahun ini serta Parti Liberal Demokratik (LDP), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun/Murut Bersatu (Upko), MIC, MCA dan Gerakan.

Sementara SAPP mahu dikekalkan status-quo kerusi berkenaan, empat parti lain yang turut menyatakan minat ialah Umno, LDP, PBS dan MCA.

Apapun, komitmen telah dicapai pada mesyuarat khas BN Sabah itu yang dipengerusikan Ketua Menteri merangkap Pengerusi BN Sabah, Datuk Chong Kah Kiat, bahawa semua parti komponen akur untuk menyokong bagi membawa kemenangan kepada BN di Gaya kali ini.

Dengan mengetepikan soal calon yang diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk menentukannya, parti-parti komponen bersetuju untuk menggembleng sepenuh tenaga dan usaha bagi mengekalkan kerusi berkenaan.

Seperti dijelaskan oleh Abdullah yang juga Timbalan Pengerusi BN Pusat dalam sidang akhbaranya, soal calon akan dibincang bersama Dr Mahathir selaku Pengerusi BN sekembalinya beliau dari Copenhagen.

Yang penting, semua parti komponen yang hadir dalam mesyuarat berkenaan bersetuju memberi sokongan kepada calon yang mewakili BN pada pilihan raya kecil itu.

"Kita yakin dengan kekuatan yang ada pada kita waktu ini dan dengan muafakat yang ditunjukkan, insya-Allah kemenangan ini akan menjadi satu kemenangan besar dan bersejarah bagi kawasan ini," kata Abdullah.

Di pihak Umno Sabah pula, ia juga bersetuju untuk mengambil peranan aktif dalam pilihan raya kecil Gaya ini.

Berikutan itu, ia akan menggunakan struktur operasi yang digunakan sebelum ini demi menjamin kemenangan lebih gemilang buat BN.

Kerusi Parlimen Gaya kosong selepas Yong hilang kelayakan berikutan keputusan Mahkamah Persekutuan pada 3 September lalu yang mengekalkan keputusan Mahkamah Rayuan.

Pada 6 Jun lalu, Mahkamah Rayuan menolak rayuan Yong yang sebelum ini didapati bersalah melakukan perbuatan rasuah mengikut peruntukan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, sekali gus menjejaskan kedudukannya sebagai Adun Likas dan Ahli Parlimen Gaya.

Pilihan raya kecil DUN Likas bagaimanapun tidak perlu diadakan memandangkan penggal pemerintahan kerajaan negeri sekarang hanya berbaki tidak sampai dua tahun.

Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) menetapkan 3 Oktober ini untuk penamaan calon manakala pengundian pada 12 Oktober.

Dalam pada itu, kawasan Parlimen Gaya kini sudah bersedia menjadi satu lagi medan ujian terhadap gaya politik Sabah yang mencatat dimensi baru sebagai sifar pembangkang, awal tahun ini.

Penganalisis politik di Sabah menyifatkan pilihan raya kecil Parlimen Gaya amat menarik kerana walaupun dalam keadaan sifar pembangkang sekarang, ia membawa isyarat penting mengenai pola dan gaya politik Sabah yang sememangnya terkenal dengan pelbagai ketidakpastian.

Begitupun, mereka sependapat BN akan melepasi laluan mudah mengekalkan kerusi Gaya walau siapa pun calon atau dari parti komponen mana sekalipun.

Namun, ada beberapa isu menarik perhatian umum dalam pilihan raya kecil Gaya kali ini. Justeru, ia tentunya akan diikuti dengan lebih dekat, sama ada di dalam atau di luar BN.

Bagi sesetengah pemerhati politik, pilihan raya kecil Gaya lebih banyak menjurus kepada ujian komitmen dan kesetiaan parti-parti komponen BN selain menguji persepsi masyarakat mengenai pelbagai isu semasa.

Walaupun mungkin tidak mewakili suara hati seluruh rakyat Sabah, keputusan pengundi Gaya nanti akan membawa isyarat penting mengenai sikap rakyat terhadap kerajaan, setidak-tidaknya dalam konteks arena politik Negeri Bawah Bayu yang sentiasa penuh dengan teka-teki ini.

Dengan komposisi majoriti pengundi Gaya berketurunan Cina serta mengambil kira pelbagai isu semasa seperti bahasa Inggeris, keputusannya kelak sedikit-sebanyak menjadi petunjuk pemikiran mereka sebagai warga bandar raya yang pesat membangun, walaupun tidak mencerminkan pendirian masyarakat Tionghua Sabah seluruhnya.

Isu bahasa Inggeris juga menjadi perdebatan di Kota Kinabalu tetapi tidaklah sehangat di Kuala Lumpur.

Kebetulan SAPP yang diterajui Yong (dan mewakili Parlimen Gaya sebelum keanggotaannya diisytiharkan terlucut) adalah parti Cina terbesar (walaupun konsepnya berbilang kaum) berbanding parti lain berasaskan kaum berkenaan seperti LDP, MCA dan Gerakan.

Dengan LDP yang diterajui Datuk Chong Kah Kiat menyandang jawatan Ketua Menteri menerusi sistem penggiliran setiap dua tahun, SAPP pula mempunyai dua menteri penuh dalam Kabinet Sabah, iaitu Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pembangunan Perindustrian, Datuk Tham Nyip Shen; dan Menteri Perkhidmatan Sosial dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Raymond Tan Shu Kiah, sedangkan MCA dan Gerakan tidak ada dalam Kabinet negeri.

Pemerhati politik berpendapat pilihan raya kecil Parlimen Gaya akan menguji dan mengukur sokongan masyarakat Cina terhadap BN, sekali gus memberi jawapan sejauh mana isu-isu mutakhir politik dan sosial mempengaruhi pemikiran mereka.

Jawapan itu bagaimanapun tidaklah 100 peratus realistik kerana tentunya ada faktor lain perlu diambil kira.

Satu lagi senario penting di Gaya ialah ujian sokongan dan komitmen

parti komponen BN Sabah kepada parti dan calon yang diletakkan nanti.

Sekiranya kerusi Gaya dikekalkan kepada SAPP, ia menguji sejauh mana komitmen parti Cina lain, khususnya LDP, MCA dan Gerakan selain Umno selaku tulang belakang pemerintahan kerajaan negeri untuk membantunya mencapai kemenangan lebih gemilang.

Tetapi tidak mustahil juga jika kerusi Gaya diberikan oleh BN kepada parti komponen lain, LDP atau Umno misalnya. Kerana dalam BN itu sendiri tiada peraturan tegas dalam soal pemilihan dan penentuan calon.

Seperti dijelaskan oleh Setiausaha BN Sabah, Datuk Karim Bujang, walaupun tradisi parti diutamakan dalam menentukan calon, faktor lain seperti komposisi penduduk di kawasan pilihan raya turut dipertimbangkan.

"BN Sabah masih belum memutuskan calon yang akan bertanding tetapi tiada peraturan tegas mengenainya. Perkara ini harus dibincang dalam mesyuarat BN negeri," katanya.

Reaksi itu diberikan berikutan kenyataan Yong sendiri sebelum ini yang menyatakan keyakinan BN akan menurunkan calon daripada partinya sekali lagi di kawasan Gaya, sambil merujuk konvensyen BN yang digunakan dalam lima pilihan raya kecil terakhir di negara ini.

"Kita semua tahu, di Lunas kerusi itu kembali kepada MIC untuk bertanding, Ketari balik kepada Gerakan, Indera Kayangan kepada MCA serta Anak Bukit dan Pendang balik kepada Umno dan Likas kembali kepada SAPP," kata Yong baru-baru ini.

Sekiranya BN lari daripada konvensyen terdahulu dengan memberikan kerusi Gaya kepada parti komponen lain, apakah SAPP bersedia untuk memberi sokongan padu kepada parti itu kelak?

Inilah persoalan menarik yang menjadi perhatian lantaran senario yang membawa kepada pilihan raya kecil itu agak luar biasa, iaitu kekosongannya berpunca daripada tindakan mahkamah oleh musuh politiknya dahulu yang kini berada dalam BN.

Dalam pilihan raya umum 1999, Yong memenangi kerusi Parlimen Gaya atas tiket BN dengan majoriti 4,117 undi sementara petisyen mahkamah dikemukakan oleh calon PBS yang diterima menyertai semula BN awal tahun ini.

Parlimen Gaya menjadi tumpuan kerana ia membabitkan kawasan yang diwakili presiden parti komponen bersuara lantang serta bekas ketua menteri dan bekas pengerusi BN negeri.

Bagi BN, soal mempertahankan kerusi Gaya tidak rumit walaupun mungkin berhadapan dengan seteru politik lama seperti Keadilan, Pas dan DAP selain kemungkinan ada calon bebas.

Apapun, pilihan raya kecil Gaya memangnya menarik dan bergaya. Tetapi keputusannya nanti diharapkan tidak mencetus kontroversi seperti isu setingan Pulau Gaya dan sistem letak kereta Jalan Gaya (kedua-duanya dalam Parlimen Gaya) yang banyak mewarnai gaya politik Sabah sebelum ini.